



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH ANUGERAH
SEKOLAH HIJAU 2019

TARIKH / MASA / TEMPAT

14 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)
8.15 PAGI

AUDITORIUM MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmud

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Sohana Binti Kasim

Pengurus Sumber Manusia

Continental Automotive Components Malaysia Sdn. Bhd.

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Kakitangan-Kakitangan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Guru-Guru dan Murid-Murid Sekolah Yang Menyertai Pertandingan
Anugerah Sekolah Hijau**

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikumwarahmatullahiwbaramakatuah,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Sekolah Hijau 2019 anjuran bersama Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd. di Menara MBSP Bandar Perda.

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Yang Berusaha Puan Sohana Binti Kasim, Pengurus Sumber Manusia Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd. dan kakitangan-kakitangannya yang telah sudi menaja dan menjadi rakan penaja dalam pelaksanaan program Anugerah Sekolah Hijau 2019 tahun ini.

MBSP amat berterima kasih kepada Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd. dan kakitangannya di atas sokongan padu yang berterusan dalam memperkasakan pendidikan serta kesedaran pemuliharaan dan pemulihan alam sekitar di kalangan murid-murid di sekolah-sekolah di Seberang Perai. Diharap penajaan ini akan diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang. Saya juga menyeru agar lebih banyak

penaja tampil ke hadapan untuk bersama-sama MBSP dalam menjayakan program-program seumpama ini.

Selain itu, tidak lupa juga penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang kerana sudi bekerjasama dengan MBSP dalam Anugerah Sekolah Hijau ini. Jutaan terima kasih juga kepada Jabatan Alam Sekitar kerana turut memberi sokongan dalam menjalankan program ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada guru-guru dan murid-murid sekolah, tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi meluangkan masa untuk hadir bersama-sama memeriahkan majlis kita pada pagi yang barakah ini.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Pada tanggal 16 September 2019 (Isnin), Seberang Perai telah mencipta satu sejarah baru dengan pengisytiharan sebagai sebuah bandaraya. Dengan pengisytiharan ini, Majlis Bandaraya Seberang Perai menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke-15 daripada 150 PBT yang bertaraf bandaraya. Hala tuju MBSP adalah jelas iaitu mensasarkan untuk

mengurangkan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan penghasilan karbon daripada **8.0 tan CO₂e per kapita** kepada **4.0 tan CO₂e per kapita**. Selain itu, sasaran menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global kurang daripada *1.5 degree Celcius*. Justeru itu, MBSP telah menetapkan lima (5) komitmen bandaraya iaitu: -

- I. Bandaraya Seberang Perai komited untuk seiring dengan *Penang2030* iaitu “*A Family-Focused Green and Smart State That Inspires The Nation*”;
- II. Bandaraya Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah Bandaraya berteraskan pembangunan rendah karbon;
- III. Bandaraya Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah Bandaraya berdaya tahan;

- IV. Bandaraya Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah Bandaraya yang inklusif, saksama dan pembangunan berpaksikan rakyat; dan
- V. Bandaraya Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah Bandaraya kompetitif dan pembangunan Bandar Pintar.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Program Sekolah Hijau merupakan program pengauditan alam sekitar bagi sekolah-sekolah di Negeri Pulau Pinang yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah pada tahun 2010. Di sekolahlah keperibadian dan persepsi manusia dapat dibentuk dan dicorakkan. Program ini, diharapkan dapat membentuk generasi masa hadapan yang menghargai alam sekitar.

Tujuan program ini ialah untuk memberi pendekatan secara holistik dalam pengurusan alam sekitar dan menggalakkan penambahbaikan secara berterusan. Program ini menerapkan pendidikan alam sekitar kepada semua pelajar untuk membina generasi yang mampu menjaga alam sekitar untuk masa hadapan. Program ini memberikan pengiktirafan kepada pihak

sekolah dalam mengurangkan sisa buangan, penjimatan sumber dan matlamatnya untuk pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Program Anugerah Sekolah Hijau adalah salah satu Pelan Tindakan Local Action 21 MBSP dalam usaha untuk menggalakkan dan melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial.

Visi sekolah hijau adalah “**Penggerak Kelestarian Alam Sekitar**”. Manakala misinya pula adalah “**Berusaha Berterusan Bersama MBSP Bagi Merealisasikan Amalan 8R iaitu *Rethink, Refuse, Reduce, Reuse, Repair, Re-Gift, Recover and Recycle* Demi Generasi Akan Datang**”.

Kumpulan sasaran untuk Anugerah Sekolah Hijau 2019 adalah Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Setiap sekolah yang menyertai pertandingan Anugerah Sekolah Hijau 2019 ini dinilai berdasarkan beberapa kriteria utama dalam penentuan pemenang Anugerah Sekolah Hijau. Ini termasuklah **Kecekapan Sumber Asli** dalam amalan kehidupan seharian seperti penjimatan tenaga, penjimatan air, amalan kitar semula, pengkomposan dan tidak menggunakan plastik sekali pakai. Selain itu, kriteria yang lain adalah **Inovasi dan Kreativiti, Kebersihan dan Penghijauan, Penglibatan Komuniti dan Persembahan**. Pihak sekolah

perlu memberi tumpuan kepada pengurangan sisa-sisa buangan, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Pendekatan amalan '*smart consumption*' 8R iaitu *Rethink, Refuse, Resuse, Reduce, Regift, Recover, Repair* dan *Recycle* dijadikan panduan pelaksanaan program.

Program Anugerah Sekolah Hijau telah dilaksanakan dengan jayanya semenjak 2010 sehingga kini dan saban tahun, terdapat peningkatan dalam penyertaan dari sekolah-sekolah dalam program ini. Keseluruhan jumlah sekolah yang menyertai Anugerah Sekolah Hijau ini telah meningkat dari 30 buah sekolah pada 2010 kepada 166 sekolah bagi tahun 2019. Bagi tahun 2020, kriteria penilaian akan dikaji semula dengan memberi wajaran lebih kepada aktiviti kitar semula, pengkomposan dan penyertaan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh MBSP.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Pertandingan Anugerah Sekolah Hijau 2019 telah dilancarkan pada 7 Mac 2019. Tahun ini merupakan tahun kesepuluh program ini dijalankan. Penilaian ke atas sekolah yang telah menyertai Anugerah Sekolah Hijau ini pula telah dijalankan pada 19 Ogos 2019 hingga 13 September 2019.

Hadiah yang disediakan dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu sekolah menengah dan sekolah rendah. Hadiah berupa piala dan wang tunai yang disediakan adalah untuk Johan, Naib Johan, Tempat Ketiga, Anugerah Emas, Anugerah Perak dan Anugerah Gangsa. Selain itu, Anugerah Khas juga akan diberikan untuk kategori Program Sisa Sifar, Kebersihan dan Penghijauan, Inovasi dan Kreativiti, Penglibatan Komuniti dan juga Penghasilan Pengurangan Karbon Tertinggi.

PEMENANG	SEKOLAH MENENGAH	SEKOLAH RENDAH
Johan	RM2000+Piala	RM2000+Piala
Naib Johan	RM1600+Piala	RM1600+Piala
Tempat Ketiga	RM1000+Piala	RM1200+Piala
Anugerah Emas	-	RM1000+Piala x 2 sekolah
Anugerah Perak	RM600+Piala x 6 sekolah	RM600+Piala x 9 sekolah
Anugerah Gangsa	RM300+Piala x 6 sekolah	RM300+Piala x 9 sekolah
ANUGERAH KHAS	SEKOLAH RENDAH	SEKOLAH MENENGAH
Program Sisa Sifar	200	200
Kebersihan dan Penghijauan	200	200
Inovasi dan Kreativiti	200	200
Penglibatan Komuniti	200	200

Sekolah yang berjaya menjadi Johan Anugerah Sekolah Hijau bagi kedua-dua kategori (sekolah menengah dan rendah) tahun ini akan menerima sumbangan panel solar empat (4) kilowatt. Walau bagaimanapun, sekiranya johan tahun ini telah memenangi johan dalam Anugerah Sekolah Hijau pada tahun 2018, maka sumbangan panel solar tersebut akan

dihadiahkan kepada Naib Johan. Panel Solar bersama kos pemasangan ditaja oleh Jinko Solar dan Pekat Solar Sdn. Bhd.

Syabas dan tahniah kepada pemenang-pemenang Pertandingan Anugerah Sekolah Hijau Tahun 2019. Saya merasa amat bangga atas penglibatan kesemua sekolah dalam menjayakan program ini ke tahap yang membanggakan. Saya ingin memaklumkan bahawa sekolah yang berjaya merangkul anugerah bagi Anugerah Sekolah Hijau 2019, akan menjadi mentor sekolah hijau kepada sekolah-sekolah lain sebagai contoh usaha dan aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah sehingga berjaya memenangi anugerah.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Saya mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada sekolah-sekolah yang telah berjaya menjadi Johan dalam pertandingan Anugerah Sekolah Hijau 2019 yang akan diumumkan sebentar lagi. Bagi yang tidak berjaya, jangan putus asa, walaupun tidak berjaya untuk menjadi Johan tetapi sebenarnya anda semua telah Berjaya menunjukkan komitmen yang tinggi serta melaksanakan ciri-ciri amalan hijau dengan cemerlang ke arah perubahan alam sekitar yang positif. Saya berharap ianya dapat memberi

inspirasi kepada semua untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022.

MPSP ingin mengucapkan terima kasih kepada Syarikat Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd., Syarikat Jinko Solar dan guru besar sekolah-sekolah yang menyertai pertandingan ini. Diharap dengan adanya pertandingan ini, akan berjaya menarik dan memupuk minat golongan para pelajar dan para pendidik untuk menjadikan aktiviti pemeliharaan alam sekitar sebagai satu budaya. Agensi pendidikan adalah satu titik mula yang penting dalam membentuk masyarakat yang menjaga dan mencintai alam sekitar sejajar dengan matlamat Majlis Bandaraya Seberang Perai untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, ingin saya nyatakan di sini bahawa Seberang Perai telah mencapai satu kemuncak dalam penitiran evolusi bandar. Seberang Perai telah mencapai taraf bandaraya dari usaha gigih warga kerja MBSP, pimpinan yang berwawasan dan rakyat yang bermuafakat. Saya mengharapkan agar anugerah ini dapat dipertahankan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat bagi mencapai **“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”** atau **“Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow”**.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih.